



USUL SIDANG MUDA 2021

USUL INI MENCADANGKAN AGAR KERAJAAN NEGERI MEMBEKALKAN BANTUAN KEMUDAHAN UNTUK PROSES PEMBELAJARAN, SEKALIGUS MENAMBAH BAIK INFRASTRUKTUR PENDIDIKAN UNTUK PELAJAR SEKOLAH DI PULAU PINANG

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Dewan dan ahli-ahli yang berhormat, yang saya hormati sekalian, kita faham sejak wabak COVID-19 melanda negara kita, hampir beberapa sektor termasuk sektor pendidikan terpaksa ditutup di seluruh negara, ini kerana untuk mengurangkan rakyat dan anak-anak keluar serta sentiasa melindungi diri di rumah agar terlepas daripada terkena jangkitan wabak berbahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, pembelajaran PdPR seperti platform *Google Meet* atau *Zoom Meeting* digunakan untuk pembelajaran harian anak-anak, kebanyakan keluarga kurang berkemampuan tidak mampu membeli komputer riba atau telefon pintar serta membayar perkhidmatan jalur lebar secara bulanan untuk kegunaan anak-anak mereka belajar, kerana kos sedemikian lebih penting untuk kegunaan yang lain, bagi pendapat saya jikalau tidak adanya peranti elektronik dan perkhidmatan jalur lebar yang cukup kepada anak-anak keluarga kurang berkemampuan ini, pembelajaran harian tidak lancar serta Negeri dan Negara boleh kehilangan orang yang berkemahiran dan berkebolehan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, apa yang saya mendapati terdapat KADUN memberi komputer riba atau telefon pintar berbentuk pinjaman, saya mencadangkan agar pemberian terus peranti elektronik seperti komputer riba mahupun telefon pintar di perluaskan sehabis mungkin di semua pejabat KADUN di Negeri Pulau Pinang untuk keluarga kurang berkemampuan dengan memilih satu jenis sama ada peranti komputer riba ataupun telefon pintar mengikut kesesuaian mereka, kerana setiap satu keluarga hanya akan menerima satu jenis peranti elektronik sahaja. Oleh itu, dalam masa yang sama, dengan memperluaskan ini, Kerajaan Negeri telah mengalakkan anak-anak dan pelajar-pelajar menggunakan sistem digital yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, kedua apa yang kita faham, jikalau dimaksudkan dengan pembelajaran seperti *Google Meet* atau *Zoom Meeting* sudah pasti ia adalah pembelajaran secara atas talian, saya mencadangkan kerajaan memberikan jalur lebar tanpa wayar atau (dengan izin) Wireless Broadband dengan 30GB internet terhad percuma setiap bulan untuk kegunaan khas kepada anak-anak keluarga kurang berkemampuan ini belajar. dan setiap keluarga kurang berkemampuan hanya akan menerima satu peranti jalur lebar tanpa wayar

sahaja atau (dengan izin) *Wireless Broadband*. dengan pemberian jalur lebar sebegini menampakan kerajaan negeri amat menitik beratkan pendidikan pelajar-pelajar atau anak-anak di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, setiap perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar atau (dengan izin) *Wireless Broadband* adalah akses kepada internet, para ibu bapa kkuatir akan anak-anak mereka akses laman website yang tidak sepatutnya dilayari, saya mencadangkan kepada kerajaan agar mewujudkan satu sistem blocking berkeselamatan tinggi di mana, anak-anak dan pelajar ini, tidak dapat mengakses website yang tidak sepatutnya di akses.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, permohonan bagi keluarga kurang berkemampuan untuk memohon perantik elektronik ini, bolehlah di buat, di pejabat KADUN kawasan masing-masing, dan pejabat KADUN akan meneliti permohonan yang di mohon serta kelayakan yang sesuai. Tambahan pula, peranti elektronik seperti komputer riba atau telefon pintar serta jalur lebar tanpa wayar (dengan izin) *Wireless Broadband* perlulah didaftarkan atas nama pelajar tersebut. Jalur lebar percuma terhad 30GB sebulan akan diberikan kepada pelajar tersebut sehingga status pelajar tersebut bertukar berkerja.

Tuan Yang di-Pertua Dewan dan ahli-ahli yang berhormat, saya berasa dengan adanya cadangan sebegini, kemudahan anak-anak dan pelajar-pelajar untuk membelajar tidak terjejas dan sentiasa lancar kerana ia boleh membelajar di mana-mana saja ia berada, saya mohon dan merendah diri agar usul saya disokong dan diluluskan oleh semua ahli-ahli Yang Berhormat demi kepentingan anak-anak dan pelajar-pelajar ini.

Terima Kasih. Sekian, terima kasih.

Muhammad Amir Ganny Bin Jalalthdeen

EXCO Pembangunan Modal Insan, Pendidikan Sains & Teknologi

Sidang Muda 2021

